

Keperluan Terhadap Pekerjaan Sambilan dalam Kalangan Pekerja B40

**Ezzatul Adahwiyah Abd Karim¹, Shahrul Nizam Salahudin^{1,*}
& R. Chandrashekar¹**

¹Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.001>

Received 01 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 01 June 2021

Abstract: Daily spending is one of the challenges especially for the B40 group in meeting the necessities of life. Thus, the issue of employees doing two jobs at one time has become commonplace nowadays. Various challenges are passed that push a person to do more than one job. This study aims to examine the extent of the need for B40 workers in doing part-time employment, as well as to identify the areas of employment that are the choice of B40 workers in finding part-time employment. The study was conducted in Klang, Selangor. A total of 175 people were selected from among B40 employees from either the government or private sectors to be respondents. This study uses a simple sampling technique (convenience) where applying quantitative methods by using a questionnaire as an instrument to obtain the desired data. The findings of the study found that B40 workers need part-time employment due to the rising cost of living, want to enjoy a more comfortable life and meet the educational needs of children or family members. The field of employment that is the respondent's choice to be used as a part-time job is the field of service.

Keywords: B40 group challenges, Part-time job, B40 group

Abstrak: Perbelanjaan harian merupakan salah satu cabaran terutamanya bagi golongan B40 dalam memenuhi keperluan hidup. Oleh itu, isu pekerja yang melakukan dua pekerjaan dalam satu masa telah menjadi perkara biasa pada masa kini. Pelbagai cabaran yang dilalui yang mendorong seseorang melakukan lebih dari satu pekerjaan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap keperluan pekerja B40 dalam melakukan pekerjaan sambilan, serta mengenal pasti bidang pekerjaan yang menjadi pilihan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan. Kajian dilakukan di Klang, Selangor. Seramai 175 orang dipilih dalam kalangan pekerja B40 sama ada dari sektor kerajaan maupun sektor swasta untuk dijadikan sebagai responden. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan mudah (convenience) di mana mengaplikasikan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi memperoleh data yang dikehendaki. Dapatkan kajian mendapati bahawa golongan pekerja B40 memerlukan pekerjaan sambilan disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat, ingin menikmati

*Corresponding author: shahrulns@uthm.edu.my

2021 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb

kehidupan yang lebih selesa serta menampung keperluan pendidikan anak-anak atau ahli keluarga. Bidang pekerjaan yang menjadi pilihan responden untuk dijadikan sebagai pekerjaan sambilan adalah bidang perkhidmatan.

Kata Kunci: Cabaran pekerja B40, Pekerjaan sambilan, Golongan B40

1. Pengenalan

Pada masa kini, peluang pekerjaan amat terhad dan persaingan adalah tinggi. Istilah memilih pekerjaan tidak lagi relevan, bahkan pekerjaan yang memilih pekerja. Dalam ekonomi yang tidak menentu, perbelanjaan adalah cabaran yang besar bagi setiap isi rumah dalam memastikan keperluan harian mencukupi. Di Malaysia, golongan B40 sering dikaitkan dengan isu pendapatan di mana pendapatan masih menjadi cabaran buat golongan ini disebabkan oleh ketidakpuasan dalam hasil pendapatan yang diperoleh.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), pengelasan pendapatan baharu telah dibuat. Pendapatan bagi golongan B40 adalah bermula daripada RM 1,929 sehingga RM 4,850. Manakala bagi pendapatan golongan M40 adalah bermula daripada RM 5,336 sehingga RM 10,970, dan seterusnya golongan T20 adalah sebanyak RM 12,586 dan ke atas. Menurut Chamhuri Siwar, Mohd

Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias dan Siti Zalikha Zahari (2019), masalah miskin bandar adalah wujud di Malaysia menyebabkan kebanyakan mereka dikategorikan sebagai golongan B40. Majoriti tumpuan golongan isi rumah B40 adalah di kawasan bandar dengan peratusan sebanyak 65% disebabkan oleh faktor peluang pekerjaan yang banyak di kawasan bandar. Di antara ciri-ciri B40 adalah bergantung satu pendapatan, pekerjaan berkemahiran dan bernilai tambah rendah, keberhutangan yang tinggi, peningkatan kos sara hidup, ketidakmampuan pemilikan rumah serta pencapaian pendidikan dan kemahiran bekerja yang rendah. Perkara ini perlu dibendung, jika tidak ekonomi negara turut terkesan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Isu ketidaksamaan pendapatan dan kemiskinan yang tinggi di Malaysia menjadi tumpuan di samping boleh memberi impak negatif dengan mendorong kepada pecah belah dalam kalangan masyarakat serta kestabilan ekonomi, politik dan sosial juga akan tergugat (Stiglitz, 2014).

Hal ini memberi tekanan kepada beberapa golongan rakyat di Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap menjalankan tanggungjawab mereka bagi membanteras isu ini daripada membenggu rakyat yang mengalami masalah ini. Perlaksanaan Rancangan Malaysia Keselelas (RMKe 11) menunjukkan usaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat bukan hanya melibatkan golongan miskin tegar tetapi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau dikenali sebagai golongan B40.

Pada masa kini, bilangan individu yang melakukan kerja lebih dari satu pekerjaan adalah tinggi. Walaupun mereka mempunyai pekerjaan tetap serta gaji yang optimum, mereka tetap mengambil peluang untuk melakukan pekerjaan lain terutamanya golongan B40. Oleh itu, kajian ini penting dijalankan kerana kajian ini memberi fokus secukupnya bagi mengkaji isu yang melanda golongan B40 di Malaysia iaitu sejauh mana kecenderungan golongan ini melakukan pekerjaan sambilan bagi meningkatkan pendapatan, serta mengetahui apakah bidang pekerjaan yang paling banyak dipilih untuk dijadikan sebagai pekerjaan sambilan.

1.2 Pernyataan Masalah

Senario semasa yang dialami oleh pekerja B40 pada masa kini adalah golongan ini mengalami kesukaran dan sedang bergelut untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Golongan B40 menghadapi cabaran dalam menjalani kelangsungan hidup yang semakin mencabar ini. Cabaran kian meningkat dari hari ke hari atas komitmen yang dipikul tidak akan berkurangan, sama ada dari segi keperluan makanan, tempat tinggal, pendidikan anak-anak dan sebagainya. Cabaran yang dialami mendorong mereka mengambil inisiatif dengan melakukan pekerjaan sambilan.

Antara cabaran yang dihadapi bagi golongan B40 adalah pencapaian pendidikan dan penguasaan kemahiran yang rendah, peningkatan kos sara hidup, tahap keberhutangan yang tinggi, dan sukar membeli rumah kediaman sendiri (Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias & Siti Zalikha Zahari; 2019). Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIS) 2014, terdapat lebih kurang 15.9 peratus isi rumah B40 di luar bandar dan 33.9 peratus isi rumah di bandar tidak memiliki rumah. Sebahagian dari mereka hanya mampu menyewa ataupun masih tinggal bersama ibu bapa

1.3 Persoalan Kajian

- (i) Apakah Apakah tahap keperluan pekerjaan sambilan bagi golongan B40?
- (ii) Apakah antara bidang pekerjaan yang menjadi pilihan oleh golongan pekerja B40 untuk dijadikan sebagai pekerjaan sambilan?

1.4 Objektif Kajian

- (i) Mengkaji tahap keperluan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan.
- (ii) Mengenal pasti bidang pekerjaan yang menjadi pilihan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan di Klang, Selangor.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan golongan B40 yang dipilih secara rawak dari pelbagai kaum dan jantina. Kawasan yang dipilih juga mengambil kira populasi bagi kajian ini. Pengkaji memilih kawasan yang mempunyai bilangan populasi golongan B40 yang tinggi. Oleh itu, kawasan kajian yang dipilih adalah di Klang, Selangor kerana kawasan ini mempunyai jumlah populasi yang ramai bahkan merupakan kawasan industri negara terutama bidang logistik. Hal ini memudahkan pengkaji dalam mengambil responden yang terdiri daripada golongan B40. Teknik kuantitatif iaitu teknik pensampelan mudah (convenience) digunakan oleh pengkaji dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden di dalam borang soal selidik, responden turut memberikan pandangan mereka akan bidang pekerjaan yang menjadi pilihan mereka dalam mencari pekerjaan sambilan. Selain itu, tempoh masa yang diambil dalam proses pengumpulan data adalah selama empat minggu termasuklah proses pengumpulan data bagi kajian rintis.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana golongan B40 memerlukan pekerjaan sambilan serta mengetahui jenis pekerjaan yang dipilih sebagai pekerjaan sambilan. Kajian ini dilihat berpotensi memberi kebaikan dalam bidang penyelidikan serta, kebaikan kepada masyarakat. Kajian yang telah dijalankan ini sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada kaedah

penyelidikan dengan memberikan input yang baru dan berbeza di samping merujuk kepada kaedah kajian yang sedia ada.

Di samping itu juga, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat sama ada bagi individu, penyelidik dan pengurusan dalam syarikat untuk memperoleh informasi dan maklumat daripada kajian ini. Setiap penulisan di dalam kajian ini mengandungi maklumat sama ada sumber primer mahupun sekunder iaitu daripada bacaan dari kajian-kajian lepas. Kedua dua maklumat itu disatukan di dalam kajian ini. Masyarakat juga boleh memperoleh manfaat dalam melakukan pembacaan terhadap kajian yang telah dijalankan ini dan sedikit sebanyak dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan isu yang dihadapi bagi golongan B40 dari aspek pekerjaan.

2. Kajian Literatur

Golongan B40 merupakan golongan pertengahan di mana golongan ini adalah golongan teramai yang terdapat di Malaysia. Setiap golongan mempunyai cabaran dan isu tersendiri di mana rakyat Malaysia dibahagikan kepada tiga kategori ataupun golongan, iaitu golongan B40, M40 dan T20. Menurut Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias & Siti Zalikha Zahari (2019), penentuan kelas pendapatan di Malaysia adalah berasaskan garis pendapatan dengan penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah digunakan sejak tahun 1970. Walaupun pendapatan rakyat boleh diukur dengan menggunakan PGK, namun isu atau masalah yang berlaku tidak dapat diterangkan secara terperinci kerana pengkategorian hanya berdasarkan pendapatan sahaja.

Di dalam bab ini, pengkaji dapat memperoleh pengetahuan tentang golongan B40 secara terperinci. Hal ini kerana pengkaji dapat mengkaji kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan kajian ini. Di samping itu, konsep pekerjaan sambilan turut diterangkan di dalam bab ini.

2.1 Tahap Keperluan Pekerja B40 Dalam Mencari Pekerjaan Sambilan

(a) Konsep Pekerjaan Sambilan

Menurut Akta Kerja 1955, pekerja didefinisikan sebagai mana-mana individu atau kumpulan orang yang termasuk dalam mana-mana kategori dalam Jadual Pertama atau orang yang diperintah oleh Menteri Sumber Manusia di bawah subseksyen (3) atau seksyen 2A. Pekerja sambilan pula didefinisikan sebagai individu yang bekerja tidak melebihi 70 peratus dari masa kerja pekerja sepenuh masa dalam kapasiti yang sama.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kerja adalah sesuatu tugas yang diusahakan. Perkataan sambilan ataupun secara ringkasnya iaitu sambil, ialah sesuatu yang dilakukan bersama-sama sesuatu yang lain. Dalam erti kata lain, pekerjaan sambilan merupakan seseorang individu melakukan dua pekerjaan dalam satu masa. Pekerjaan sambilan merupakan pekerjaan yang memerlukan seseorang individu memperuntukkan masa kurang dari lapan jam sehari bagi melakukan sesuatu tugas. Sekiranya seseorang bekerja selama empat jam sahaja dalam sehari, pekerjaan yang dilakukan tersebut merupakan pekerjaan sambilan.

Berdasarkan buku ilmiah yang bertajuk Pekerja Cemerlang yang di tulis oleh Bernard A.T. Tan, menurut beliau, konsep pekerja adalah orang makan gaji yang merangkumi semua pekerja sama ada dari pekerja yang mempunyai jawatan yang tertinggi seperti eksekutif ataupun ketua pengurus sehinggalah jawatan yang terendah, tidak kira pekerjaan perkhidmatan mahupun produk.

Jadual 1: Pendapatan Isi Rumah

Kumpulan		Median	Purata	Had Pendapatan
B40	B1	RM 1,929	RM 1,849	Kurang daripada RM 2,500
	B2	RM 2,786	RM 2,803	RM 2,501 – RM 3,170
	B3	RM 3,556	RM 3,561	RM 3,171 – RM 3,970
	B4	RM 4,387	RM 4,395	RM 3,971 – RM 4,850
M40	M1	RM 5,336	RM 5,346	RM 4,851 – RM 5,880
	M2	RM 6,421	RM 6,477	RM 5,881 – RM 7,100
	M3	RM 7,828	RM 7,841	RM 7,101 – RM 8,700
	M4	RM 9,695	RM 9,730	RM 8,701 – RM 10,970
T20	T1	RM 12,586	RM 12,720	RM 10,971 – RM 15,040
	T2	RM 19,781	RM 24,293	RM 15,041 dan lebih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

2.2 Bidang Pekerjaan Yang Menjadi Pilihan Pekerja B40 Mencari Pekerjaan Sambilan

Terdapat banyak jenis pekerjaan yang boleh dilakukan untuk dijadikan sebagai pekerjaan sambilan, namun peluang untuk mendapatkannya adalah terhad. Hal ini disebabkan oleh peningkatan persaingan dalam kalangan individu terutamanya golongan B40 untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam konteks pekerjaan sambilan, hal ini bermakna individu yang melakukan pekerjaan sambilan perlulah membahagikan masa mereka untuk melakukan dua pekerjaan dalam satu masa. Oleh itu, kesesuaian sesuatu pekerjaan amatlah dititikberatkan bagi memenuhi kehendak kedua dua pekerjaan yang dilakukan agar tidak berlaku sebarang percanggahan.

Terdapat banyak jenis bidang pekerjaan, antaranya bidang perniagaan atau kewangan, bidang penulisan dan komunikasi, bidang saintifik atau perubatan, bidang perkeranian atau pentadbiran, bidang seni reka dan kreatif, bidang teknikal, bidang keusahawanan dan bidang perkhidmatan. Setiap satunya mempunyai peluang tersendiri.

3. Metodologi Kajian

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian yang digunakan dalam memperoleh data yang dikehendaki. Reka bentuk kajian adalah penting kerana pemilihan dan penggunaan kaedah-kaedah dalam pengumpulan data membantu pengkaji dalam memperoleh data yang tepat dan dikehendaki. Hal ini akan memberi kesan kepada hasil kajian yang diperoleh. Di samping itu, bab ini turut membincangkan tentang proses-proses yang lalui dalam menjalankan kajian ini. Proses tersebut penting bagi memastikan perlaksanaan kajian berjalan lancar dan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

3.1 Reka Bentuk dan Proses Penyelidikan

(a) Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif serta kaedah pensampelan. Kaedah deskriptif adalah satu kaedah yang menggunakan jadual, carta pai, graf bar dan sebagainya bagi menganalisis data. Manakala, kaedah pensampelan adalah satu kaedah yang digunakan sama ada daripada sumber primer ataupun sumber sekunder. Sumber primer merupakan maklumat asas yang diperoleh sendiri

oleh penyelidik melalui temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan soal selidik, manakala sumber sekunder adalah sumber maklumat yang diperoleh hasil tafsiran dan rumusan sumber.

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bagi memperoleh data-data yang dikehendaki bagi memenuhi objektif kajian. Data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Satu set data yang telah dikumpul boleh merangkumi ribuan pemerhatian (Burning & Kintz, 1987). Pengkaji menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Dengan menggunakan borang soal selidik sebagai satu bahan kajian, maklumat yang diperoleh daripada responden adalah tepat dan mudah untuk dirujuk oleh pengkaji. Reka bentuk ini adalah sesuai digunakan bagi mendapatkan sendiri pendapat responden terhadap permasalahan kajian. Borang soal selidik ini akan diedarkan sama ada secara talian ataupun secara serahan sendiri borang tersebut kepada responden.

3.2 Unit Analisis

Kajian ini adalah melibatkan individu yang merupakan golongan pekerja B40 dengan sektor pekerjaan. Unit analisis bagi kajian ini adalah individu yang merupakan golongan B40 yang bekerja di sekitar kawasan Klang, Selangor.

3.3 Populasi dan Pensampelan

(a) *Populasi*

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih penduduk yang merupakan pekerja B40 di kawasan Lembah Klang, Selangor sebagai populasi kajian ini. Berdasarkan kaedah Krejie and Morgan (1970), pengkaji mendapati saiz populasi bagi penduduk di kawasan Klang, Selangor adalah sebanyak 1 000 000. Pengkaji menggunakan teknik pensampelan mudah disebabkan oleh saiz populasi yang besar. Pengkaji tidak mempunyai masa dan tenaga yang mencukupi untuk menguji setiap individu di dalam populasi.

(b) *Pensampelan*

Sampel merupakan satu kumpulan yang kecil daripada populasi yang menjadi sasaran penyelidik dalam melakukan penyelidikan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan teknik pensampelan mudah (convenience). Hal ini memudahkan pengkaji dalam mendapatkan responden yang dikehendaki. Saiz sampel berdasarkan bilangan populasi bagi penduduk di kawasan Klang, Selangor bagi kajian ini adalah sebanyak 384 orang daripada pekerja B40 sama ada dari sektor awam atau swasta.

3.4 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dalam melaksanakan kajian ini. Kaedah soal selidik yang digunakan adalah tertutup, di mana responden hanya memilih jawapan berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan sahaja. Soal selidik yang digunakan merupakan kaedah penyelidikan kuantitatif.

Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C bagi setiap set. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan demografi, iaitu latar belakang responden. Bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan sejauh mana keperluan golongan B40 terhadap pekerjaan sambilan. Bahagian C pula mengandungi soalan berkaitan dengan jenis-jenis pekerjaan yang mempengaruhi pekerja B40 mencari pekerjaan sambilan.

Bahagian B dan bahagian C pula merupakan item terhadap kajian ini. Skala Likert digunakan di dalam bahagian B seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1, manakala skala Guttman digunakan di dalam bahagian C.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam proses mengumpul data, pemantauan tindakan atau amalan yang dilakukan oleh pengkaji adalah suatu yang penting daripada hanya mengambil data (Zulkeflee Hj. Yaacob, 2015).

Pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji melalui dua fasa, iaitu mengumpul data primer dan sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh hasil daripada jawapan yang diberikan oleh responden melalui borang soal selidik, manakala data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada jurnal, akhbar, buku dan sebagainya.

(a) *Data Primer*

Data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli atau yang pertama (Rohana Yusof, 2004). Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik bagi memperoleh data primer. Borang soal selidik akan diedarkan dan dijawab oleh responden yang dikehendaki, kemudian data asli itu akan dianalisis oleh pengkaji.

(b) *Data Sekunder*

Data sekunder merupakan data yang telah sedia ada yang diperoleh oleh pengkaji sebelumnya atau yang diperoleh dari mana-mana sumber kemudian digunakan semula dan dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji seterusnya. Setiap kajian memerlukan data sekunder iaitu sumber bagi menyokong fakta sesuatu kajian. Kebiasaannya, sumber jurnal dari internet akan diguna pakai oleh pengkaji untuk mencari data yang diperlukan. Sumber-sumber jurnal melalui internet sering dicari melalui beberapa laman web rasmi yang diiktiraf seperti Google Scholar, Emerald dan Research Gate.

3.6 Kaedah Menganalisis Data

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) bagi menganalisis data daripada set borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden.

(a) *Analisis Deskriptif*

Analisis deskriptif berfungsi untuk menilai karakteristik dari sesebuah data dengan menganalisis data secara peratusan, frekuensi serta dengan menggunakan Measure of central tendency (MCT) bagi mendapatkan ukuran kecenderungan memusat seperti min, mod, median, sisihan piawai, varian, nilai maksimum dan nilai minimum. Di dalam kajian ini, segala jawapan yang diberikan daripada semua responden di dalam borang soal selidik akan dianalisis dan dinilai berdasarkan skor min dan tahap pengelasan seperti jadual 3.

Jadual 2: Skor min dan tahap pengelasan

Skala	Tahap
1.00 – 2.67	Rendah
2.68 – 4.35	Sederhana
4.36 – 6.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2001)

(b) *Analisis Kebolehpercayaan*

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik Cronbach Alpha bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen penilaian tersebut sebagai satu alat bagi mengukur kebolehpercayaan dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences). Bagi mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diperbetul dan ditambah baik di dalam kajian ini boleh dirujuk melalui jadual nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha (Bond dan Fox, 2015) bagi menganalisis dan membandingkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh daripada hasil kajian rintis dan kajian sebenar.

Jadual 3: Nilai Pekali Cronbach Alpha

Nilai Cronbach Alpha	Tahap Cronbach Alpha
0.80 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.70 – 0.80	Baik dan boleh diterima
0.60 – 0.70	Boleh diterima
< 0.60	Item perlu dibaiki
A < 0.50	Item perlu digugurkan

Sumber: Bond dan Fox (2015)

3.7 Kajian Rintis

Masa yang diperuntukkan kepada responden untuk menjawab ketiga-tiga bahagian di dalam borang soal selidik adalah sekurang-kurangnya selama 15 minit. Setiap elemen yang terdapat di dalam borang soal selidik ini di nilai sama ada diterima atau disingkirkan berdasarkan kegunaan kaedah kebolehpercayaan Cronbach Alpha. Responden turut diberikan penerangan yang secukupnya tentang kajian yang dijalankan ini sebelum diberikan borang soal selidik kepada mereka untuk dijawab.

Sebanyak 30 set borang soal selidik diedarkan kepada pekerja B40 untuk dijadikan sebagai responden. Kelebihan kajian rintis ini adalah pengkaji boleh meningkatkan lagi kualiti kajian yang dilakukan di samping kerap melakukan penambahbaikan terhadap sesuatu kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Bab ini membincangkan tentang hasil yang diperoleh setelah melakukan beberapa analisa terhadap data yang diperoleh termasuklah juga kaedah pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian ini. Kajian ini merangkumi kaedah menganalisis kebolehpercayaan, analisis demografi responden serta analisis statistik deskriptif bagi kedua-dua item di dalam kajian ini. Bab ini akan menerangkan secara terperinci bagi setiap kaedah yang digunakan bagi menganalisis setiap dapatan yang diperoleh.

4.1 Maklum Balas Responden

Hasil daripada analisis Cronbach Alpha bagi setiap item yang digunakan di dalam kajian ini menunjukkan nilai yang tinggi dan melebihi angka 0.5 iaitu 0.8 ke atas. Hal ini menunjukkan bahawa setiap item yang digunakan dalam borang soal selidik adalah diperlukan, dipercayai serta difahami. Kajian ini menggunakan medium Google Form sebagai alat untuk borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian. Jadual 5 menunjukkan bilangan populasi, saiz sampel, jumlah soal selidik diedarkan, jumlah maklum balas soal selidik dan kadar maklum balas responden.

Jadual 4: Maklum Balas Responden

Populasi (orang)	Saiz sampel (orang)	Jumlah soal selidik	Jumlah maklum balas soal selidik	Kadar maklum balas responden (%)
1,113,851	384	384	175	45.45

4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Kedua-dua analisis iaitu bagi kajian rintis dan kajian sebenar menggunakan analisis kebolehpercayaan Cronbach Alpha seperti di dalam Bab 3 jadual 4. Nilai yang diperoleh adalah melebihi nilai 0.8 bagi semua item yang menggambarkan bahawa instrumen yang digunakan adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi seperti yang dikatakan oleh Bond and Fox (2015).

(a) Analisis Kajian Rintis

Pengkaji menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang responden bersamaan dengan 30 set soalan yang diedarkan dengan menggunakan Google Form. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis sebanyak dua kali memandangkan nilai Cronbach Alpha yang telah diperoleh bagi kajian rintis pertama adalah rendah. Jadual 7 menunjukkan nilai kebolehpercayaan keseluruhan yang diperoleh setelah menganalisis data daripada kajian rintis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences).

Jadual 5: Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha keseluruhan bahagian B

	Nilai Cronbach Alpha	Bilangan item	Jumlah responden
Kajian rintis pertama	0.432	7	30
Kajian rintis kedua	0.802	7	30

(b) Analisis Kajian

Jadual 6: Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha keseluruhan bahagian B

Nilai Cronbach Alpha	Bilangan item (n)	Jumlah borang soal selidik (responden)	Jumlah maklum balas soal selidik (responden)
0.882	7	384	175

Merujuk kepada rajah 6, nilai Cronbach Alpha bagi bahagian B menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa kesemua item yang telah diperbaharui daripada ujian rintis boleh digunakan di samping ianya relevan untuk diajukan dan mudah difahami. Boleh dilihat daripada jadual 7 yang menunjukkan bahawa setiap item memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan menggunakan analisis Cronbach Alpha.

Jadual 7: Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi setiap item Bahagian B

Item	Nilai Cronbach Alpha	Bilangan maklum balas responden (n)
1. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana kos sara hidup yang semakin meningkat.	0.863	175
2. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana mempunyai hutang yang tinggi.	0.862	175
3. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi memenuhi kehendak gaya hidup saya.	0.866	175
4. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana masih belum berkemampuan memiliki aset sendiri.	0.868	175
5. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana ingin menampung keperluan pendidikan anak-anak / ahli keluarga.	0.867	175
6. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi memanfaatkan masa terluang.	0.869	175
7. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi menikmati kehidupan yang lebih selesa.	0.862	175

4.3 Analisis Demografi Responden

Demografi responden merupakan bahagian A di dalam borang soal selidik yang mengandungi maklumat berkaitan dengan responden. Jadual 8 merupakan item yang dikemukakan di dalam bahagian ini yang telah dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences).

Jadual 8: Demografi responden

Demografi	Elemen	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	61	34.9
	Perempuan	114	65.1
Umur	18 tahun hingga 29 tahun	81	46.3
	30 tahun hingga 39 tahun	37	21.1
	40 tahun hingga 49 tahun	37	21.1
	50 tahun dan ke atas	20	11.4
Bangsa	Melayu	163	93.1
	Cina	5	2.9
	India	4	2.3
	Lain-lain	3	1.7
	PMR	1	0.6

Status Pendidikan	SPM	23	13.1
	STPM/Diploma/Setaraf	51	29.1
	Ijazah	100	57.1
Sektor Pekerjaan	Kerajaan	58	33.1
	Swasta	79	45.1
	Sendiri/Lain-lain	38	21.7
Tempoh Pengalaman Bekerja	1 tahun dan ke bawah	50	28.6
	2 tahun hingga 5 tahun	38	21.7
	6 tahun hingga 9 tahun	21	12.0
	10 tahun dan ke atas	66	37.7
Pendapatan Sebulan	RM2500 dan ke bawah	87	49.7
	RM2501 hingga RM3170	30	17.1
	RM3171 hingga RM3970	18	10.3
	RM3971 hingga RM4850	40	22.9

Berdasarkan jadual 8, menunjukkan bilangan responden perempuan adalah lebih ramai berbanding dengan responden lelaki. Dicatatkan sebanyak 61 orang bersamaan 34.9% bagi responden perempuan, manakala 114 orang responden bersamaan 65.1% bagi responden lelaki.

Kemudian, didapati bahawa kumpulan responden yang berumur 18 tahun hingga 29 tahun adalah yang tertinggi memberi maklum balas terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji yang mencatatkan bilangan 81 orang bersamaan 46.3% responden.

Selain itu, majoriti responden dalam kajian ini adalah berbangsa Melayu kerana peratus responden yang memberikan maklum balas terhadap borang soal selidik adalah yang tertinggi. Dicatatkan bilangan responden berbangsa Melayu adalah seramai 163 orang bersamaan dengan 93.1%.

Di samping itu, responden yang mempunyai status pendidikan Ijazah adalah yang tertinggi, iaitu seramai 100 orang bersamaan dengan 57.1%.

Responden yang bekerja di dalam sektor swasta adalah yang tertinggi yang memberikan maklum balas iaitu seramai 79 orang responden bersamaan 45.1%.

Seterusnya, bagi faktor tempoh pengalaman bekerja, responden yang mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun dan ke atas adalah yang tertinggi dicatatkan dalam memberi maklum balas terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji, iaitu seramai 66 orang bersamaan dengan 37.7%.

Akhir sekali, responden yang berada di dalam kategori pendapatan RM2000 dan ke bawah dicatatkan bilangan tertinggi yang memberikan maklum balas iaitu seramai 87 orang bersamaan dengan 49.7%.

4.4 Analisis Statistik Deskriptif

Skala likert digunakan dalam bahagian B di dalam soal selidik bagi mengkaji sejauh mana tahap keperluan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan. Bagi menilai sejauh mana keberkesanan objektif kajian, analisis secara skor min dan tahap pengelasan digunakan seperti jadual 9.

Jadual 9: Analisis skor min dan tahap pengelasan

Skala	Tahap
-------	-------

1.00 – 2.67	Rendah
2.68 - 4.35	Sederhana
4.36 – 6.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2001)

(a) *Analisis Deskriptif Tahap Keperluan Pekerja B40 Dalam Mencari Pekerjaan Sambilan (DV)*

Jadual 10: Tahap keperluan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan

Bilangan Responden (n)	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan piawaian	Tahap
Min dv	175	1.00	6.00	4.9290	1.08461

Jadual 11: Tahap keperluan pekerjaan B40 dalam mencari pekerjaan sambilan mengikut setiap item.

	Bilangan responden (n)	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan piawai	Tahap penilaian
1. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana kos sara hidup yang semakin meningkat.	175	1.00	6.00	5.4343	1.04220	Tinggi
2. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana mempunyai hutang yang tinggi.	175	1.00	6.00	4.5886	1.59088	Tinggi
3. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi memenuhi kehendak gaya hidup saya.	175	1.00	6.00	4.4686	1.70795	Tinggi
4. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana masih belum berkemampuan memiliki aset sendiri.	175	1.00	6.00	4.8457	1.45593	Tinggi
5. Saya memerlukan pekerjaan sambilan kerana ingin menampung keperluan pendidikan anak-anak / ahli keluarga.	175	1.00	6.00	5.1543	1.28393	Tinggi
6. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi memanfaatkan masa terluang.	175	1.00	6.00	4.8229	1.53036	Tinggi
7. Saya memerlukan pekerjaan sambilan bagi menikmati kehidupan yang lebih selesa.	175	1.00	6.00	5.1886	1.18607	Tinggi

(b) *Analisis Deskriptif Kecenderungan Bagi Setiap Bidang Pekerjaan (IV)*

Analisis deskriptif kecenderungan bagi setiap bidang pekerjaan (iv) bagi kajian ini adalah mengkaji bidang pekerjaan yang menjadi pilihan pekerja B40 dalam mencari pekerjaan sambilan di Klang, Selangor. Berikut merupakan rajah bagi item iaitu bidang pekerjaan yang direkodkan nilai yang tinggi berdasarkan maklum balas dari responden.

Jadual 12: Kecenderungan bagi setiap bidang pekerjaan

Bidang Pekerjaan	Cenderung (%)	Tidak Cenderung (%)
1. Pertanian	49.9	53.1
2. Penternakan	37.1	62.9
3. Perikanan	29.7	70.3
4. Perkhidmatan	81.7	18.3
5. Pembinaan	45.7	54.3
6. Perniagaan	80.0	20.0

Pengkaji mendapati bahawa bidang perkhidmatan merupakan pilihan utama kerana mencatatkan nilai kecenderungan yang tinggi. Terdapat 81.7% responden cenderung menjadikan bidang perkhidmatan sebagai pekerjaan sambilan. Seterusnya adalah bidang perniagaan yang mencatatkan nilai kedua tertinggi iaitu sebanyak 80% responden cenderung untuk menjadikan bidang ini sebagai pekerjaan sambilan. Kemudian diikuti dengan bidang pertanian yang mencatatkan nilai 46.9% responden cenderung untuk menjadikan bidang ini sebagai pekerjaan sambilan.

Secara keseluruhan, berdasarkan keputusan analisis yang telah dijalankan, telah menggambarkan golongan pekerja B40 memerlukan pekerjaan sambilan adalah disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat, ingin menikmati kehidupan yang lebih selesa serta menampung keperluan pendidikan anak-anak atau ahli keluarga. Bidang pekerjaan yang menjadi pilihan responden bagi dijadikan sebagai pekerjaan sambilan adalah bidang perkhidmatan.

5. Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan yang telah diperoleh hasil daripada analisis yang telah dijalankan yang tertera dari Bab 4. Bab ini juga membincangkan tentang rumusan keseluruhan bagi kajian ini selain mengemukakan cadangan untuk kajian yang akan datang. Seterusnya kesimpulan akan diberikan terhadap kajian yang telah dilaksanakan ini sama ada telah menjawab segala persoalan kajian dan mencapai objektif kajian seperti yang dinyatakan di dalam Bab 1.

5.1 Perbincangan

(a) *Perbincangan Kajian Lepas*

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2014, analisis ke atas paras gaji yang diterima oleh isi rumah B40 menunjukkan bahawa gaji purata bagi isi rumah B40 adalah sebanyak RM1,883 pada tahun 2014, berbanding gaji purata nasional sebanyak RM4,722. Hal ini menunjukkan bahawa pendapatan golongan pekerja B40 adalah jauh lebih rendah daripada pendapatan nasional. Walau bagaimanapun, dapatan kajian oleh pengkaji kali ini juga mendapati bahawa faktor yang mendorong pekerja B40 melakukan pekerjaan sambilan adalah disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan hasil skor min yang tertinggi dicatatkan antara faktor-faktor yang lain.

Selain itu, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIS) 2014, dianggarkan sebanyak 32 peratus isi rumah B40 masih tidak mampu untuk memiliki rumah. Namun, berdasarkan dapatan bagi kajian ini, faktor tidak berkemampuan dalam memiliki rumah sendiri bukanlah satu faktor yang membimbangkan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan jumlah skor min adalah keempat tertinggi setelah dijalankan analisa deskriptif.

(b) Ringkasan Penemuan Kajian

Ringkasan penemuan kajian ini adalah melibatkan latar belakang kajian, penemuan sampel kajian, kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data serta kaedah menganalisis data. Kajian ini berkaitan tentang keperluan terhadap pekerjaan sambilan dalam kalangan pekerja B40. Pengkaji telah mengeluarkan dua persoalan kajian bagi penyelidikan ini iaitu sejauh manakah tahap keperluan pekerjaan sambilan bagi golongan B40 serta apakah antara bidang pekerjaan yang menjadi pilihan oleh golongan pekerja B40 untuk dijadikan sebagai pekerjaan sambilan.

Sampel kajian ditentukan berdasarkan populasi kajian yang dirujuk berdasarkan kaedah Krejie Morgan yang telah dinyatakan di dalam Bab 1. Populasi kajian ini adalah sebanyak 1000 000 bersamaan dengan 384 saiz sampel. Pengkaji telah mengedarkan sebanyak 384 soal selidik kepada responden melalui Google Form, namun pengkaji hanya memperoleh 175 maklum balas responden. Lokasi yang telah dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah di Lembah Klang, Selangor. Kaedah pengumpulan data telah ditentukan oleh pengkaji dengan menggunakan Google Form. Hal ini kerana pergerakan setiap orang adalah terhad disebabkan oleh wabak pandemik Covid-19 yang telah menular sejak akhir tahun 2019. Responden hanya menjawab soalan yang dikemukakan di dalam Google Form yang diberi, oleh itu responden bebas menjawab soalan-soalan berikut di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Setelah data dikumpulkan, pengkaji menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) untuk menganalisis data yang diperoleh. Pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi setiap item di dalam kajian ini. Hasil dapatan yang diperoleh adalah pengkaji dapat merumuskan bahawa golongan pekerja B40 memerlukan pekerjaan sambilan adalah disebabkan oleh faktor kos sara hidup yang semakin meningkat, ingin menikmati kehidupan yang lebih selesa serta menampung keperluan pendidikan anak-anak atau ahli keluarga. Bidang pekerjaan yang menjadi pilihan responden bagi dijadikan sebagai pekerjaan sambilan adalah bidang perniagaan.

(c) Batasan Kajian

Batasan di dalam kajian ini adalah pergerakan yang terhad disebabkan ancaman dari wabak pandemik Covid-19 yang telah menular sejak Disember 2019. Hal ini pergerakan pengkaji dalam mencari responden untuk mengedarkan borang selidik adalah tidak dibenarkan. Segala-galanya perlu dilakukan di atas talian termasuklah proses pengumpulan data. Selain itu, pengkaji terikat untuk mencari responden dengan lebih meluas kerana skop kajian ini adalah memfokuskan golongan pekerja B40 sama ada sektor kerajaan, swasta, mahupun lain-lain di kawasan Klang sahaja. Batasan kajian ini juga adalah pengkaji berdepan dengan situasi di mana responden tidak memberi maklum balas terhadap borang soal selidik yang diberikan. Pengkaji menyasarkan seramai 384 orang responden yang memberikan maklum balas bagi borang soal selidik tersebut. Walau bagaimanapun, hanya 175 orang responden sahaja yang memberikan maklum balas dan majoritinya adalah golongan belia iaitu responden yang berusia 18 tahun hingga 29 tahun.

(d) Implikasi Kajian

Implikasi kajian ini adalah implikasi terhadap pihak kerajaan. Pihak kerajaan sewajarnya melihat kajian ini suatu kajian yang signifikan kerana isu pekerja yang melakukan lebih dari satu pekerjaan adalah perkara yang tidak asing lagi. Kajian ini dapat membantu pihak berkuasa untuk melihat secara meluas tentang isu yang berkaitan dengan golongan B40. Kajian ini juga dapat memberi rujukan buat syarikat-syarikat dalam memahami keadaan sebenar golongan pekerja B40 pada masa kini. Syarikat-syarikat di luar sana boleh meluaskan lagi skop pekerjaan dan dalam masa yang sama, peluang pekerjaan dapat ditingkatkan. Implikasi kajian ini turut memberi manfaat buat individu untuk meluaskan pemikiran mereka berkaitan dengan golongan B40. Dengan adanya kajian ini, individu dapat memahami dengan lebih meluas hakikat sebenar yang berlaku terhadap golongan ini. Selain dari memperoleh pengetahuan, individu juga dapat mengetahui bidang-bidang pekerjaan yang mereka boleh ceburi bukan sahaja bidang yang berkaitan dengan perniagaan. Banyak bidang pekerjaan yang tersedia yang boleh diceburi bagi meningkatkan pendapatan dan pengalaman.

5.2 Cadangan

Cadangan untuk kajian akan datang adalah pengkaji boleh meluaskan lagi skala iaitu menyasarkan golongan pekerja B40 bagi kawasan di luar Lembah Klang bagi mempelbagaikan dapatan kajian. Semakin tinggi bilangan responden, semakin baik sesuatu kajian yang dijalankan. Kajian masa hadapan juga boleh mengambil kira secara kompleks dalam kaedah penilaian dengan mengambil kira aspek-aspek yang lebih terperinci yang boleh meluaskan skop kajian, seperti menilai persekitaran golongan pekerja B40, menilai sejauh mana golongan B40 menguruskan faktor dalaman dalam mengawal kesihatan mental dan fizikal, dan sebagainya. Seterusnya, kajian seterusnya boleh menambah aspek kefahaman pekerja B40 dalam skop pekerjaan yang mereka lakukan. Setiap pekerja perlu memahami setiap fungsi dan tugas yang mereka lakukan. Cadangan terakhir untuk kajian masa hadapan adalah menambahkan faktor penyumbang pekerja B40 terhadap setiap sektor pekerjaan. Kajian boleh memfokuskan kepentingan dan kelebihan yang ada terhadap golongan B40 yang boleh disumbangkan kepada industri yang ada di Malaysia.

5.3 Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian kaji selidik berkaitan dengan isu yang tidak asing lagi iaitu berkaitan dengan golongan B40 yang melakukan lebih dari satu pekerjaan. Setiap proses yang dijalankan dalam menyempurnakan kajian ini seperti proses pengumpulan data, proses kemasukan data, proses menganalisis data, serta dapatan kajian juga berjalan dengan lancar mengikut setiap perancangan pengkaji, malah dapatan yang diperoleh telah menjawab setiap persoalan kajian. Oleh itu, objektif kajian telah dicapai dengan sempurna.

Secara keseluruhan kajian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa golongan B40 perlu diberi perhatian dengan lebih serius bagi meringankan beban mereka. Banyak pihak perlu terlibat bagi menangani isu yang dihadapi oleh golongan ini. Oleh itu, hasil daripada rumusan dan cadangan yang dikemukakan dapat memberi gambaran akan keperluan pekerjaan sambilan dalam kalangan pekerja B40.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Fokus Pengurusan Teknologi dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

Rujukan

- Ab Ghani, M. H., & Lailu, P. (2013). Tahap Kepuasan ke atas pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pemilikan harta isi rumah dalam kalangan penjawat awam di putrajaya. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 40, pp. 81– 102.
- Aqmin, M., Wahab, A., Shahiri, H. I., Mansur, M., Azlan, M., & Zaidi, S. (2018). Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah Yang Perlahan atau Taraf Hidup Yang Meningkat? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), pp. 117–133. <https://doi.org/10.17576/jem-2018-5201-10>
- Arshat, Z., Pai, F. S., & Ismail, Z. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan B40 Family: Stress and Strength. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 10(January), pp. 91–102. www.akademiabaru.com/arsbs.html
- Chamhuri Siwar, Siti Zalikha Zahari, & Mohd Khairi Ismail. (2015). Kemiskinan dan Agihan Pendapatan di Malaysia : Status dan Kadar Kemiskinan Mengikut Etnik dan Strata serta Golongan Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40). Prosiding Persidangan Kebangsaan Kecemerlangan Melayu II, November.
- Economic Planning Unit. (2015). Rancangan Malaysia Kesebelas (Eleventh Malaysia Plan) : 2016-2020. 1–372. <http://rmk11.epu.gov.my/book/eng/Eleventh-Malaysia-Plan/RMKe-11 Book.pdf>
- Haylen, A. (2014). Rising cost of living: myth or reality ?November, 1–17. <https://www.parliament.nsw.gov.au/researchpapers/Documents/rising-cost-of-living-myth-or-reality/101114 - Rising cost of living.pdf>
- Karatuna, I., & Basol, O. (2017). Job satisfaction of part-time vs. full-time workers in Turkey: The effect of income and work status satisfaction. *International Journal of Value Chain Management*, 8(1), pp. 58–72. <https://doi.org/10.1504/IJVCM.2017.082686>
- Ngadiman, D. W. T., Tayok, D., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2018). Social Relationship B40 against Purchasing Behaviour Non-Basic Needs using Loans and Intention to Increase debt. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), pp. 1102–1117. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8- i7/4558>
- Mohd Khan, S. J., Abdullah, N., Che Mat, S. H., Abu Bakar, A. S., Ali, J., & Abdullah, H. (2018). The Effectiveness of 1Malaysia People's Aid Program to the B40 Group in the Rising Cost of Living: An Exploratory Case Study in Rural District of Kedah. *The Journal of Social Sciences Research*, SPI6, pp. 958– 964. <https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.958.964>
- Nor, R. M. (2019). Inclusive Development for B40 Households Group: Malaysian Reality in Achieving Developed Nation Status by 2025. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(7), pp. 760–773. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i7/6208>
- Nor, S., Mayan, A., Binti, R., Nor, M., & Samat, N. (2017). Challenges To the Household Income Class B40 Increase in Developed Country Towards 2020 Case Study: Penang. *International Journal of Environment, Society and Space*, 5(2), pp. 35–41.
- Rodrigo, S. K. A. (2016). Working for welfare: Inequality and shared vulnerability among the Malaysian middle classes. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 9–31.
- Sihto, T. (2015). Nordic journal of working life studies. *Nordic Journal of Working Life Studies*, 5(3), pp. 23–40. <https://tidsskrift.dk/njwls/article/view/26698/23470>
- Somasundram, S., Sambasivan, M., Rasiah, R., & Pei-Leng, T. (2018). Ranking the challenges of the urban community in Malaysia. *Institutions and Economies*, 10(4), pp. 69–89.
- Suhaimi, M., Nizam, M., & Othman, N. (2014). Aktiviti kerja sampingan dan kesan ke atas komitmen guru bekerja sampingan mengikut persepsi guru. *Sains Humanika*, 3(1), pp. 31–36.
- Suhaila, N., Rabi'atul 'Adawiyah, S. N., Nuzul Akhtar, B., & Siti Syuhada, A. R. (2016). Faktor yang Mendorong Mahasiswa IPT Membuat Kerja Sambilan. *Education + Training*, 2(2), pp. 380–390. <https://doi.org/10.1108/00400910710762940>